

Contohi Sarawak bangunkan ekonomi - PM

Oleh **COWEN LINCH**
utusannews@mediamulia.com.my

KUCHING: Sarawak sebuah negeri yang membuktikan berjaya menerokai ekonomi baharu dengan membangunkan teknologi digital secara agresif.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pengalaman Sarawak dalam mendepani situasi semasa ekonomi perlu dicontohi negeri-negeri lain bagi membangunkan semula negara secara keseluruhan.

“Hari ini kita menyaksikan kesediaan pimpinan Sarawak menekankan aspek penting dalam negara Madani, iaitu negeri harus makmur, negeri harus berkembang tetapi tidak mengecualikan soal nilai dan akhlak sebagai paksinya,” kata beliau dalam ucapan di Majlis Perasmian Seminar Antarabangsa Imam As-Syafi’i di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK) di sini semalam.

Menurut beliau, rakyat juga perlu mempunyai iltizam untuk membawa perubahan terutamanya menerokai teknologi baharu selain meningkatkan penguasaan ilmu dan bahasa.



ANWAR Ibrahim dan Abang Johari Tun Openg pada Majlis Perasmian Seminar Antarabangsa Imam As-Syafi’i di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK) di Kuching semalam.

“Tetapi antara kita perlu saling hormat perbezaan budaya. Terus jadikan Malaysia maju, mapan dari segi teknologi dan harga khazanah agama, dan bukan melahirkan orang pinggirkan khazanah, nilai dan akhlak,” kata Perdana Menteri.

Pada masa sama, kata beliau,

kerajaan Persekutuan yakin kerjasama antara parti politik di Sarawak dan Semenanjung sentiasa utuh untuk membawa kemajuan negara.

Sementara itu, Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg dalam ucapannya turut menegaskan agar semua

rakyat di negara ini menjaga perpaduan dan ketepikan perbezaan antara kaum.

“Kita di Sarawak bersyukur kerana rakyat yang aman dan sentiasa berusaha untuk mengekalkan perpaduan walaupun berlainan agama dan bangsa,” kata Abang Johari.